


PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

# LAPORAN LAWATAN RASMI KE HONG KONG

---

24 – 27 Jun 2013



# LAPORAN LAWATAN RASMI KE HONG KONG

## Isi Kandungan

	Muka surat
Tujuan .....	2
Latar Belakang	
<i>Hong Kong Special Administrative Region (HKSAR)</i> .....	2
<i>The Treasury of HKSAR</i> .....	3
Pelaksanaan Perakaunan Akruan.....	3-4
<i>Overview of Financial Statements</i> .....	4-6
Struktur Bajet.....	6
<i>Chart of Account (COA)</i> .....	6-7
Penemuan/Pemerhatian	
Perakaunan Dana.....	7-9
Perakaunan Aset Tetap.....	9-10
Perakaunan Hasil.....	10
Perakaunan Manfaat Pekerja.....	11-12
Umum.....	12-13
Gambar lawatan.....	14
Lampiran:	
Lampiran 1: Struktur Organisasi HKSAR	
Lampiran 2: Struktur Organisasi <i>The Treasury</i>	

## 1.0 TUJUAN LAWATAN

- 1.1 Lawatan ke Hong Kong diadakan bertujuan untuk memperoleh pengetahuan dan pengalaman Kerajaan Hong Kong semasa peralihan ke perakaunan akruan. Di samping itu, lawatan ini juga bertujuan untuk meneliti beberapa isu-isu teknikal perakaunan untuk dijadikan sebagai rujukan dalam menentukan hala tuju dalam pelaksanaan perakaunan akruan di Malaysia. Antara isu-isu teknikal perakaunan tersebut adalah perakaunan dana, akaun amanah, aset, manfaat persaraan dan hasil bagi transaksi bukan pertukaran.
- 1.2 Deligasi lawatan kerja selama empat (4) hari ini dianggotai oleh empat (4) orang pegawai yang terdiri daripada tiga (3) pegawai Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) dan seorang pegawai Seksyen Khidmat Perunding (SKP) seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1 : Deligasi lawatan kerja di *The Treasury of HKSAR***

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN
1	Puan Devantri Kaur A/P Santa Singh	Pengarah, PPPA/Ketua Deligasi (JUSA C)
2	Cik Siti Suraya binti Mohd Yatim	Ketua Penolong Pengarah, PPPA (W48)
3	Encik Abdul Hakim bin Ibrahim	Penolong Pengarah Kanan, SKP (W44)
4	Encik Shahrul Anwar bin Sahar	Penolong Pengarah, PPPA (W41)

- 1.3 Deligasi ini telah membuat lawatan kerja di *The Treasury of HKSAR* yang beralamat di Immigration Tower, 7 Gloucester Road, Wanchai, Hong Kong.

## 2.0 LATAR BELAKANG

### 2.1 *Hong Kong Special Administrative Region* (HKSAR)

Hong Kong merupakan sebuah negara outonomi di bawah pemerintahan Republik China. Dari segi pentadbiran, Hong Kong boleh menentukan dasarnya sendiri kecuali dasar yang berkaitan dengan pertahanan dan polisi luar negara. Hong Kong mempunyai populasi penduduk sebanyak 7 juta orang dan 150 ribu daripadanya adalah penjawat awam. Pentadbiran Hong Kong dikenali sebagai *Hong Kong Special Administrative Region* (HKSARG) yang diketuai oleh *Chief Executive* (CE). Struktur pentadbirannya pula terdiri daripada 12 *policy bureau* dan lebih 70 jabatan/ agensi. Struktur organisasi HKSARG seperti di **Lampiran 1**.

## 2.2 *The Treasury of HKSARG*

*The Treasury* merupakan agensi di bawah *Financial Services and The Treasury Bureau*, salah satu daripada 12 *policy bureau*. *The Treasury* merupakan jabatan yang bertanggungjawab menyediakan bajet dan penyata kewangan kerajaan, merupakan *Lead Agency* bagi projek pelaksanaan perakaunan akruan oleh HKSAR. Struktur organisasi *The Treasury* seperti di **Lampiran 2**.

## 2.3 Pelaksanaan Perakaunan Akruan

2.3.1 Negara Hong Kong telah memutuskan untuk melaksanakan perakaunan akruan sebagai alat untuk mengukur prestasi dan kedudukan kewangan negara dengan lebih menyeluruh.

2.3.2 Pengumuman pelaksanaan projek ini telah dibuat secara menyeluruh kepada rakyat melalui ucapan bajet yang disiarkan secara langsung melalui media masa tempatan. Ini secara tidak langsung menjadikan projek ini sebagai *top down approach* yang melancarkan pelaksanaannya.

2.3.3 Selepas pengumuman ini dibuat, satu *Task Force* yang terdiri daripada golongan profesional dan akademik telah diwujudkan bagi membuat kajian lanjut pelaksanaan perakaunan akruan. Hasilnya, satu laporan telah dikeluarkan yang mengandungi perkara seperti berikut:

- i. Kerajaan akan terus menyediakan dan mengeluarkan perakaunan asas tunai
- ii. Penyata kewangan asas akruan disediakan sebagai penyata tambahan dan *Stewardship Statement* akan disediakan
- iii. Setiap pertimbangan atau keputusan yang dibuat semasa tempoh peralihan perlu mengambil kira aspek kos dan manfaat
- iv. Mengambil kira setiap keperluan oleh HKSAR

*Task force report* juga mencadangkan pelaksanaan dibuat dalam **dua (2) fasa** seperti di **Jadual 2**. Kronologi pelaksanaan perakaunan akruan di Hong Kong seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 2 : Pelaksanaan Perakaunan Akruan Secara Berfasa**

Fasa	Pelaksanaan
<b>Fasa 1</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyata Kewangan asas akruan pertama dikeluarkan pada tahun 2002/03</li><li>• Aset tetap dan belanja susut nilai tidak dipermodalkan dan diiktiraf</li><li>• Dasar perakaunan utama diamalkan</li></ul>
<b>Fasa 2</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bermula tahun kewangan 2004/05</li><li>• Aset tetap dipermodalkan dan susut nilai akan diiktiraf</li><li>• <i>Stewardship Statement</i> dikeluarkan</li></ul>

**Jadual 3 : Kronologi pelaksanaan perakaunan akruan**

Tahun	Perkara
<b>1999</b>	Melantik perunding untuk mengkaji pelaksanaan perakaunan akruan
<b>2001</b>	Pelaksanaan perakaunan akruan diumumkan oleh Setiausaha Kewangan di dalam ucapan bajet
<b>2002</b>	<i>Task Force Report</i>
<b>2002/03</b>	Penyata Kewangan Asas akruan dikeluarkan (Fasa 1)
<b>2004/05</b>	Penyata Kewangan Asas akruan dikeluarkan (Fasa 2)

## 2.4 *Overview of Financial Statements*

- 2.4.1 HKSAR menyediakan dua (2) set penyata kewangan iaitu berasaskan tunai ubah suai dan berasaskan akruan. Penyata kewangan asas tunai adalah penyata kewangan yang utama dan dibentangkan di dalam *Legislative Council* berdasarkan keperluan undang-undang. Penyata kewangan asas akruan pula hanya disediakan untuk menggambarkan prestasi dan kedudukan kewangan kerajaan bagi tujuan pengguna dalaman iaitu pihak pengurusan.
- 2.4.2 Kedua-dua penyata ini disediakan oleh *The Treasury* melalui dua bahagian yang berlainan iaitu *Treasury Division-cash* dan *Financial Reporting Division -accrual*.
- 2.4.3 Setiap *Bureau/ Jabatan* tidak menyediakan penyata kewangan sendiri tetapi dibuat secara berpusat oleh *The Treasury* menggunakan *centralised accounting system*. Perbandingan ciri penyata kewangan asas tunai dan asas akruan seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4 : Ciri-ciri penyata kewangan asas tunai dan asas akruan**

	<b>Asas Tunai</b>	<b>Asas Akruan</b>
<b>Nama</b>	<i>Account of the Government for the year ended 31 March XXXX</i>	<i>Accrual-Based Consolidated Financial Statements</i>
<b>Tahun Kewangan</b>	31 Mac XXXX	31 Mac XXXX
<b>Jenis Penyata</b>	<p><b>A. Account</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Consolidated Account</i></li> <li>2. <i>General Revenue Account (GRA)</i></li> <li>3. <i>Capital Works Reserve Fund (CWRF)</i></li> <li>4. <i>Capital Investment Fund (CIF)</i></li> <li>5. <i>Civil service Pension Reserve Fund (CSPRF)</i></li> <li>6. <i>Disaster Relief Fund (DRF)</i></li> <li>7. <i>Innovation and Technology Fund (ITF)</i></li> <li>8. <i>Land Fund (LDF)</i></li> <li>9. <i>Loan Fund (LNF)</i></li> <li>10. <i>Lotteries Fund (LttF)</i></li> <li>11. <i>Bond Fund (BNF)</i></li> </ol> <p><b>B. Supporting Statements</b></p> <p><b>C. Variance Analysis</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Consolidated Statement of Financial Performance</i></li> <li>2. <i>Consolidated Statement of Financial Position</i></li> <li>3. <i>Consolidated Cash Flow Statement</i></li> <li>4. <i>Statement of Reconciliation Between the General Reserve Reported Under Accrual Basis and Consolidated Fund Balance (Fiscal Reserve) Reported Under The Cash Basis</i></li> <li>5. <i>Statement of Reconciliation Between the Surpluses Reported Under The Accrual Basis and Under The Cash Basis</i></li> <li>6. <i>Notes</i></li> <li>7. <i>Stewardship Statement</i></li> </ol>
<b>Pelaporan</b>	Bulanan, Sukuan, Tahunan	Tahunan
<b>Keperluan Statutori</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Public Finance Ordinance</i></li> <li>• <i>Appropriation Ordinance</i></li> </ul>	Tiada
<b>Entiti Penggabungan</b>	GRA+[CWRF+CIR+CSPRF+DRF+ITF+LDF+LNF+LttF]	GRA+[CWRF+CIR+CSPRF+DRF+ITF+LDF+LNF+LttF+BNF]+ <i>Special/Trust Fund+Exchange Fund+GBE+Hong Kong Housing Authorities (HKRA)</i> .

	Asas Tunai	Asas Akruan
<b>Kaedah</b>	<i>Line-by-Line</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Line-by-line</i></li> </ul>
<b>Penggabungan</b>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Equity(GBE)</i></li> </ul>
<b>Pengauditan</b>	Diaudit	Tidak diaudit
<b>Pematuhan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Audit Ordinance</i></li> <li>• <i>IPSAS cash</i></li> </ul>	<i>Accrual Accounting Policies and Guidelines (AAPG)</i>

## 2.5 Struktur bajet

2.5.1 HKSAR mempunyai sistem bajet yang menyerupai sistem bajet yang diamalkan di Malaysia. Penyediaan bajet akan dibuat oleh *The Treasury* dan seterusnya perlu dibentangkan di *Legislative Council* untuk kelulusan. Bajet yang disediakan adalah dalam asas tunai.

2.5.2 Bajet yang telah diluluskan kemudiannya diagihkan kepada *Bureau/ Jabatan* melalui *Appropriation Bills*. Pegawai Pengawal (*Controlling Officer*) yang juga merupakan ketua kepada *Bureau/ Jabatan* dipertanggungjawabkan ke atas setiap peruntukan yang telah diluluskan. Hanya perbelanjaan yang telah diluluskan sahaja dibenarkan untuk dibelanjakan. *Appropriation Bills* yang diterima tidak diiktiraf sebagai pendapatan oleh setiap *Bureau/ Jabatan* tetapi hanya merupakan kuasa untuk berbelanja.

## 2.6 *Chart of Account* (COA)


2.6.1 HKSAR mempunyai dua (2) set penyata kewangan, oleh itu terdapat dua (2) jenis lejar iaitu lejar tunai dan lejar akruan. Walau bagaimanapun, lejar tunai merupakan lejar utama selaras dengan keperluan statutori dan lejar akruan adalah lejar tunai yang ditambah dengan maklumat akruan dan digunakan untuk tujuan pelaporan sahaja. Oleh yang demikian, sistem perakaunan di Hong Kong mempunyai dua (2) COA yang berinteraksi antara satu sama yang lain.

2.6.2 Ciri-ciri COA yang telah direkabentuk adalah seperti berikut:

- i. *Automated function*
- ii. *Built in control*
- iii. Semakan baki dana secara *online*
- iv. Laporan yang fleksibel

2.6.3 Rekabentuk COA bagi kedua-dua lejar seperti berikut:


i. Lejar Tunai (5 segmen):



\* NOTA :

- i) CC – Cost center
- ii) BH – Budget holder

ii. Lejar Akruan (8 segmen):



2.6.4 Ciri-ciri utama rekabentuk COA bagi lejar akruan adalah:


- i. Boleh mengeluarkan pelaporan berasaskan perakaunan akruan
- ii. Penggabungan dengan entiti yang berlainan
- iii. Membantu penyesuaian

### 3.0 PENEMUAN/ PEMERHATIAN

#### 3.1 Perakaunan Dana

Seperti juga Malaysia, HKSAR mengamalkan sistem perakaunan dana (*fund accounting*). Terdapat dua (2) jenis akaun dana iaitu dana yang diwujudkan di bawah Seksyen 29 of *The Public Finance Ordinance* dan dana khas/ amanah yang diwujudkan melalui resolusi *Legislative Council* seperti di **Rajah 1**.

**Rajah 1 : Struktur perakaunan HKSAR**





i. *General Revenue Account (GRA)*

Merupakan akaun utama yang merekodkan hasil dan perbelanjaan kerajaan. Peruntukan kepada *Bureau/* Jabatan diagihkan melalui akaun ini termasuklah pindahan kepada akaun dana yang lain.

ii. Dana yang diwujudkan di *bawah Section 29 of The Public Finance Ordinance*

Dana ini diwujudkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu kerajaan. Sumber pembiayaan adalah daripada GRA, keuntungan pelaburan, hasil yang diperoleh daripada aktiviti yang dijalankan. Kesemua akaun dana akan disatukan di dalam penyediaan penyata kewangan kerajaan asas tunai (kecuali *Bond Fund*) dan penyata kewangan asas akruan.

Senarai dana seperti berikut:

1. *Capital Work Reserve Fund*
2. *Capital Investment Fund*
3. *Civil Service Pension Reserve Fund*
4. *Disaster Relief Fund*
5. *Innovation and Technolog Fund*
6. *Land Fund*
7. *Loan Fund*
8. *Lotteries Fund*
9. *Bond Fund*

iii. Dana Khas/ Amanah

Dana ini diwujudkan melalui resolusi *Legislative Council* untuk membiayai program/ aktiviti tertentu kerajaan. Sumber utama pembiayaan bagi dana ini adalah daripada kerajaan dan kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas dana ini. Akaun dana ini tidak disatukan bagi penyediaan penyata kewangan kerajaan asas tunai tetapi disatukan di penyata kewangan asas akruan.

Senarai dana seperti berikut:

1. *AIDS Trust Fund*
2. *Beat Drug Fund Association*
3. *Consumer Legal Action Fund*
4. *Early Retirement Ex-gratia Payment Fund for Aided Secondary*

*School Teachers*

5. *Education Development Fund*
6. *Elite Athletes Development Fund*
7. *Emergency Relief Fund*
8. *Environment and Conservation Fund*
9. *Health Care and Promotion Fund*
10. *Health Services Researched Fund*
11. *HKSAR Government Scholarship Fund*
12. *Hong Kong Paralympians Fund*
13. *Language Fund*
14. *New Technology Training Fund*
15. *Pneumoconiosis Ex Gratia Fund*
16. *Quality Education Fund*
17. *Queen Elizabeth Foundation for Mentally Handicapped*
18. *Research Endowment Fund*
19. *Self-Financing Post-secondary Education Fund*
20. *Sir David Trench Fund for Recreation Fund*
21. *Supplementary Legal Aid Fund*
22. *Trust Fund for Severe Acute Respiratory Syndrome*
23. *Trust Fund in Support of Reconstruction in the Sichuan Earthquake Stricken Areas.*

3.2 Perakaunan Aset Tetap

- 3.2.1 Setelah pengumuman mengenai akruan dibuat pada tahun 2001 di *Budget Speech*, bagi fasa pertama perakaunan akruan, satu (1) set penyata kewangan berasaskan akruan telah dibuat bagi tahun berakhir 2002-2003. Walaubagaimanapun, aset tetap dan susut nilai tidak dimasukkan ke dalam penyata ini.
- 3.2.2 Aset tetap dan susut nilai hanya dimasukkan di penyata kewangan asas akruan di fasa kedua (2) iaitu pada penyata kewangan tahun 2004/05.
- 3.2.3 Aset yang dilaporkan di dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:
  - i. *Building, Plant and Equipment*
  - ii. Aset Infrastruktur
- 3.2.4 *Threshold* ditetapkan bagi aset dan liabiliti samada *per item/ group/ project* seperti ringkasan di **Jadual 5**.

**Jadual 5 : Threshold yang ditetapkan**

BIL	ASET/ LIABILITI	Amaun (HK\$)	
		<i>Opening Balance</i>	<i>New Aquired</i>
1	<i>Fixed Asset</i>	1 juta	150 ribu
2	<i>Stock in hand (Inventory)</i>	1 juta	-
3	<i>Account Payable</i>	50 ribu	-
4	<i>Provision for doubtful debt (loan and advances)</i>	1 juta	-
5	<i>Commitment (capital)</i>	1 juta	-
6	<i>Contigent liabilities</i>	1 juta	-

3.2.5 Aset-aset yang tidak dilaporkan di dalam penyata kewangan akan dinyatakan di dalam *Stewardship Statement*. Aset-aset tersebut adalah seperti berikut:

- i. Tanah (Terdedah kepada spekulasi)
- ii. *Natural resources*
- iii. *Heritage Asset*
- iv. Aset di bawah *Build-Operate-Transfer arrangements*

3.2.6 Penyediaan Penyata *Stewardship*

- a. Menyediakan maklumat bukan kewangan (non financial) Kerajaan untuk menunjukkan akauntabiliti Kerajaan bagi sumber-sumber yang digunakan dalam penyampaian perkhidmatan awam:
  - i. Bangunan yang digunakan oleh Kerajaan;
  - ii. Aset Infrastruktur seperti jalan dan perparitan;
  - iii. Tanah yang digunakan oleh Kerajaan
- b. Maklumat ini diperlukan untuk menambah maklumat kewangan yang diberikan kepada jenis aset dalam penyata kewangan yang disatukan berasaskan akruan

3.3 Perakaunan Hasil

3.3.1 Hong Kong telah melaksanakan sistem percukaian yang mudah di mana hasil cukai diiktiraf apabila notis taksiran dikeluarkan.

3.3.2 Kebanyakan hasil seperti saman dan penalti dibuat secara asas tunai iaitu hasil akan diakaunkan apabila tunai diterima.

3.3.3 Cukai seperti *Governement Service Tax (GST)*, *Value Added Tax (VAT)* dan *Sales Tax* tidak diamalkan di Hong Kong.

## 3.4 Perakaunan Manfaat Pekerja

### 3.4.1 Liabiliti Pencen

Hong Kong memberikan Pencen apabila pegawai kerajaan mencapai umur bersara wajib, antara 50 – 60 tahun. Pada masa ini, tiada *fund* khusus diwujudkan bagi pembayaran pencen berkenaan dan pembayaran dibuat melalui GRA.

Sehingga 31/3/2012 liabiliti pencen di HK adalah sebanyak HK\$641B dan ini merupakan 85% daripada keseluruhan liabiliti HK. Bagi tahun 2011-12 bayaran pencen yang dibuat adalah sebanyak HK\$19B.

Liabiliti pencen telah diakaunkan pada tahun pertama pelaksanaan perakaunan akruan.

#### i. Polisi Perakaunan

Pada masa ini, Hong Kong menggunakan IAS19 –*Employment Benefit* sebagai piawai perakaunan. Nilai pencen telah ditentukan oleh aktuari profesional yang berdaftar yang dilantik bagi membuat kajian dengan menggunakan kaedah *Projected Unit Credit*.

#### ii. Pendedahan

Liabiliti pencen akan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan perbelanjaan tahunan pencen dinyatakan di dalam Penyata Prestasi Kewangan Disatukan. Hong Kong membuat penerangan berkaitan pencen di dalam polisi perakaunan dan menyatakannya di dalam nota kepada akaun.

#### iii. Penilaian Aktuari

Penilaian Aktuari akan dibuat setiap tahun dan diperlukan untuk menentukan kedudukan pencen Hong Kong serta mengira perbelanjaan tahunan dan liabiliti. Selain daripada itu, aktuari yang dilantik juga akan menyediakan analisis bagi tujuan perancangan.

### 3.4.2 *Untaken Leave*

#### Polisi Perakaunan

*Untaken Leave* direkodkan sebagai liabiliti di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan. Kenaikan atau penurunan akan dinyatakan di dalam akaun gaji, elaun kakitangan di dalam Penyata Prestasi Kewangan Disatukan. Selain daripada itu, ianya juga dinyatakan di dalam nota kepada akaun.

Penjawat awam di Hong Kong adalah dibenarkan untuk mengumpul cuti rehat dan selepas bersara, sejumlah bayaran akan dibuat kepada penjawat awam mengikut kategori perkhidmatan mereka. Jumlah cuti yang boleh disimpan adalah seperti **Jadual 6**.

**Jadual 6 : Jumlah *Untaken Leave* yang dikumpul**

Bil	Perkhidmatan	Tempoh Perkhidmatan	
		Kurang 10 Tahun	Lebih 10 Tahun
1.	Berkhidmat sebelum Jun 2000	120 hari	180 hari
2.	Berkhidmat selepas Jun 2000	36 hari	44 hari

### 3.5 Umum

#### 3.5.1 Polisi dan Piawaian Perakaunan

HKSAR tidak mempunyai piawaian perakaunan tersendiri dan juga tidak mematuhi mana-mana piawaian perakaunan antarabangsa di dalam penyediaan penyata kewangan asas akruan. Piawaian perakaunan antarabangsa seperti FRS dan IPSAS hanya dijadikan sebagai rujukan sahaja. Walau bagaimanapun, mereka telah membangunkan polisi perakaunan akruan sendiri iaitu *Accrual Accounting Policies dan Guidelines* (AAPG).

#### 3.5.2 Sistem Perakaunan

Sistem perakaunan yang digunakan adalah ***Government Financial Management Information System (GFMIS)*** yang menggunakan teknologi Oracle. Sistem ini merupakan *package system* dengan beberapa *customisation*. Rekebentuk sistem adalah secara berpusat dan berupaya berintegrasi dengan sistem kewangan yang lain seperti *Untaken Leave System*.

#### 3.5.3 Akaun Bank

*The Treasury* mengamalkan *single one bank account* bagi semua Bureau/Jabatan. Terdapat dua (2) akaun bank iaitu untuk cek dan EFT.

#### 3.5.4 Faktor kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan

Kerajaan Hong Kong telah menetapkan beberapa perkara iaitu seperti berikut :

- a. *Roll out strategy* adalah realistik dan mampu dicapai oleh semua peringkat termasuklah *Bureau/ Jabatan*

- b. Kos dan manfaat dengan mengambil kira penetapan *threshold* dan aset yang bernilai tinggi untuk diambil kira dalam penyata kewangan akruan
- c. Objektif jelas iaitu terdapat dua (2) fasa pelaksanaan perakaunan akruan
- d. *Tone at the top management* iaitu melalui *Budget Speech* oleh Setiausaha Kewangan kepada semua mengenai pelaksanaan perakaunan akruan
- e. Sumber manusia yang berkecukupan dari segi memantapkan latihan dan kursus kepada pegawai perakaunan di *Bureau/ Jabatan*
- f. IT dan Infrastruktur iaitu dengan memastikan tiada masalah atau kekangan yang dihadapi semasa penggunaan sistem semasa hujung bulan.

## GAMBAR LAWATAN



*Bergambar bersama Pengurusan Atasan The Treasury dan tenaga pengajar*



*Penyerahan cenderamata penghargaan kepada Ms. Lesley Y C Wong, JP,  
Director of The Treasury*